



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Seremban

BULETIN

*FAKULTI PERAKAUNAN
UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS SEREMBAN
EDISI 9 2025*



HUBUNGI KAMI :



fpnuitmn9s3



<https://encr.pw/FakultiPerakaunanS3>

Ekosistem Kewangan Hijau Memacu Negara Masa Hadapan

Mustafa Kamal Mat & Saflina Azis

Dunia kini terdedah kepada cabaran alam sekitar yang kronik, menyebabkan keperluan kewangan yang lebih mampan perlu disegerakan agar Malaysia dapat menyediakan keadaan yang lebih ampuh kepada generasi seterusnya. Kemunculan kewangan hijau (*green finance*) merupakan medium yang berkesan bagi memacu perubahan positif ekonomi negara.

Menurut Bank Dunia, kewangan hijau adalah suatu kemudahan kewangan yang menyumbang kepada matlamat alam sekitar yang lebih baik dan meningkatkan kesedaran sosial terhadap persekitaran. Ini termasuklah pelaburan dalam projek pembangunan mampan, kewangan iklim dan dasar yang menggalakkan ekonomi agar lebih berdaya saing. Ringkasnya, kewangan hijau ini didefinisikan



sebagai sebarang aktiviti kewangan berstruktur merangkumi produk atau perkhidmatan, yang dicipta untuk memastikan hasil alam sekitar yang lebih baik. Ini termasuklah pelbagai skim pinjaman, mekanisme hutang dan pelaburan yang digunakan untuk menggalakkan pembangunan projek hijau atau meminimumkan kesan ke atas iklim projek yang lebih kerap. Malahan, ia juga boleh melibatkan gabungan kedua-duanya.

Ekosistem kewangan hijau ini berperanan dalam menangani isu dan cabaran alam sekitar dengan menyediakan platform khusus bagi menyalurkan modal kepada inisiatif yang mampu memacu penambahbaikan alam sekitar serta memupuk kesedaran kelestarian. Justeru, ekosistem kewangan ini boleh berfungsi sebagai satu alternatif kewangan yang efektif bagi mengatasi cabaran serta kebimbangan berkaitan alam sekitar yang semakin meningkat.

Bagi memahami konsep kewangan hijau ini, perhatikan panduan yang disediakan ini. Sesebuah syarikat boleh menerbitkan bon hijau untuk mendapatkan modal bagi membiayai projek mereka. Projek yang dibiayai ini merangkumi inisiatif-inisiatif yang dapat memberi impak positif. Contohnya, pembiayaan ladang tenaga solar yang memanfaatkan kuasa matahari bagi menjana elektrik bersih, seterusnya mengurangkan pelepasan gas rumah hijau dan kebergantungan kepada bahan api fosil. Selain itu, projek perbandaran hijau, di mana perbandaran ini mempunyai banyak kawasan hijau di sekitarnya di samping penggunaan cat yang memantulkan haba dan reka bentuk pengalihan udara yang mampu mengekalkan suhu nyaman di dalam bangunan. Kedua-dua inisiatif ini dapat menyumbang kepada masa hadapan yang lebih peka terhadap alam sekitar.

Amalan yang menyokong ekosistem kewangan hijau ini akan mempengaruhi kesiapsiagaan syarikat pengeluar tempatan untuk bekerjasama strategik dengan organisasi swasta dan awam di peringkat global agar seiring dengan sistem kewangan antarabangsa dalam agenda pembangunan ekonomi yang kukuh. Dengan memberi insentif kepada pelaburan dalam tenaga boleh diperbaharui, kecekapan tenaga dan inisiatif mapan yang lain, ekosistem kewangan ini boleh membantu mengurangkan pelepasan gas rumah hijau, mengurangkan kesan negatif perubahan iklim dan membantu mencapai ekonomi global yang stabil serta berdaya tahan. Langkah begini mampu menggalakkan kesejahteraan sosial dan alam sekitar jangka panjang. Kewangan hijau menawarkan banyak faedah kepada ekonomi, alam sekitar dan masyarakat.

Di samping pemeliharaan alam sekitar negara dan global terjamin, ekosistem ini juga membangunkan sistem pengurusan risiko yang dipertingkatkan, peluang pasaran yang stabil, kesedaran sosial lebih tinggi serta permintaan tinggi daripada para pelabur.

Negara-negara di seluruh dunia juga mengiktiraf kepentingan ekosistem kewangan hijau dalam memacu pembangunan mampan ekonomi dan telah menunjukkan peningkatan sokongan terhadap ekosistem kewangan ini. Negara seperti Amerika Syarikat, Perancis, United Kingdom serta China telah menyediakan dasar dan insentif yang menyokong kewangan hijau. Seiring dengan usaha global ini, Malaysia juga telah menyediakan sokongan jitu dari segi dasar dan kawal selia, termasuk insentif cukai, untuk menggalakkan penyertaan sektor swasta dalam hal ini. Malah, Malaysia terkenal sebagai perintis dalam penerbitan sukuk hijau, iaitu bon Islam patuh Syariah yang direka untuk membiayai projek mesra alam.



Sebagai entiti kawal selia kewangan, Bank Negara Malaysia (BNM) telah mengorak langkah secara progresif, dan menyediakan taksonomi peralihan bagi mengklasifikasi kegiatan ekonomi supaya sejajar dengan aktiviti berkaitan dengan iklim, pelaksanaan piawaian pengawalseliaan dan jangkaan penyeliaan yang lebih jelas dalam menguruskan risiko iklim. Inisiatif BNM ini telah memberikan kesan positif apabila institusi kewangan telah menunjukkan kemajuan yang memberangsangkan dalam mempercepat peralihan ke arah ekonomi yang lebih lestari.

Hasil inisiatif pantas ini menyaksikan sektor kewangan menunjukkan peningkatan komitmen dan tindak balas dalam usaha membina daya tahan iklim serta menyokong usaha peralihan dan penghijauan oleh pelanggan. Ini akan mempercepatkan lagi proses penawaran kewangan hijau secara meluas di Malaysia. Agenda seterusnya adalah untuk terus memberikan tumpuan khusus bagi membangunkan sokongan praktikal untuk Perusahaan Kecil & Sederhana (PKS) membina daya tahan iklim dan kapasiti untuk beralih.

Kesimpulannya, amalan kewangan hijau yang mampan adalah penting untuk menangani perubahan iklim dan membina ekonomi global yang lebih berdaya tahan. Ekosistem ini berperanan sebagai pemangkin yang berdaya untuk membina masa hadapan yang lebih kukuh. Kewangan hijau mempunyai aspek yang lebih istimewa daripada sistem kewangan sedia ada, berkeupayaan untuk mengalirkan modal ke dalam projek mesra alam yang seterusnya memberikan galakan kepada nilai ketelusan dan akauntabiliti. Kewangan hijau mampu mencipta masa depan gemilang, demi kelestarian alam yang berkekalan.